

HUKUM PENGGUNAAN PENANDAAN BERDAKWAT BAGI PESAKIT KANSER

Di zaman serba moden ini, berbagai pembangunan dan teknologi telah meluas dalam kehidupan seharian manusia bagi membantu dan memudahkan urusan harian. Begitu juga dengan bidang perubatan yang tidak ketinggalan, malah berdiri seiring dengan bidang-bidang ilmu yang lain termasuk penggunaan penandaan berdakwat khusus bagi penyakit kanser.

Penandaan berdakwat bagi pesakit kanser adalah salah satu daripada kaedah perubatan yang memberikan kemudahan kepada pesakit kanser yang perlu mendapat rawatan di semua hospital di seluruh negeri di Malaysia.

Bagi memastikan tiada najis atau sebarang kandungan alkohol, kajian Jabatan Kimia Malaysia ke atas dakwat yang digunakan iaitu *Holbein Drawing Ink* mendapat bahawa:

- a. Lemak atau minyak haiwan tidak dikesan dengan menggunakan "Teknik FAME menggunakan *Kromatografi Gas (GC)*";
- b. Dakwat tersebut mengandungi terbitan atau sebatian *ethanol* (alkohol).

Dengan menggunakan kaedah penandaan berdakwat ini, pesakit tidak perlu menjalani proses penandaan secara berulang kali, memandangkan kesan dakwat tersebut akan berterusan selama 4 – 5 bulan dan ia tidak menyebabkan dakwat tersebut terperangkap pada sel-sel yang dipanggil *fibroblast* (sel parut) yang berada di lapisan dermis kulit.

JABATAN MUFTI SARAWAK

Islam meletakkan kaedah "الْمَشَفَةُ بِخَلْبِ التَّيْسِيرِ" (kesukaran itu diatasi dengan mengambil sesuatu yang mudah atau senang). Kaedah ini meletakkan bahawa bebanan dengan perkara yang susah, dapat dimudahkan bagi keringanan sesuatu urusan.

Dalam isu penyakit, maka rukhsah (keringanan) adalah lebih diutamakan kepada pesakit sehingga diharuskan untuk bertayammum kerana ditakuti akan menyebabkan penyakit

merebak dan lambat sembah sebagaimana firman Allah *Subhanahu wata'ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 185 yang bermaksud:

"Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu".

Penggunaan tandaan berdakwat untuk pesakit kanser ini adalah berbeza daripada tatu yang diharamkan oleh Islam kerana tatu dicacah ke dalam lapisan kulit dan ia kekal selama-lamanya, manakala tandaan berdakwat ini hanya dicucuk dengan menggunakan jarum kurang dari 1mm.

Istilah tatu yang digunakan bagi penggunaan tandaan berdakwat membawa anggapan bahawa ia adalah tatu yang diharamkan dan pengamal perubatan perlu menjelaskannya kepada para pesakit kerana walaupun istilah tersebut digunakan di peringkat antarabangsa, masih timbul keraguan dalam kalangan masyarakat.

Memandangkan dakwat tersebut hanya dimasukkan melalui suntikan jarum kurang dari 1mm di bawah permukaan kulit, maka tidak timbul isu tandaan tersebut menghalang air sampai ke anggota wuduk atau menimbulkan mudharat sehingga pesakit perlu bertayammum.

